



Singa Utara mula rekrut pemain

PERSATUAN Bola Sepak Perlis (PFA) akan mengadakan sesi pemilihan peringkat akhir bagi membentuk skuad utama negeri dalam menghadapi saingan Liga FAM, Piala FA, Piala Cabaran atau Piala Malaysia 2019 mulai hari ini hingga Jumaat ini.

Menurut presidennya, Datuk Ahmad Amizal Shaifit Ahmad Rafie, sesi pemilihan dikendalikan jurulatih, Manzoor Azwira Abd Wahid di Padang A, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang.

Bagi sesi hari ini hingga esok, pemilihan dijalankan jam 8 hingga 11 pagi manakala Rabu hingga Jumaat ini bermula jam 3.30 petang hingga 6 petang.

Pada masa sama PFA juga katanya, mempelawa pemain berusia bawah 21 tahun ke sesi pemilihan skuad Piala Presiden Perlis yang dikendalikan jurulatih Manja Man pada Rabu dan Khamis ini dari jam 8 pagi hingga 11 pagi juga di UPM.

Mereka yang berminat untuk menyarung jersi Singa Utara dialu-alukan menghadiri kedua-dua sesi ujian pemilihan ini boleh menghubungi Azmi Talildin, 018-3596552 untuk mendapatkan keterangan lanjut.